

25/10/1999

Bendung buku berunsur fitnah

Antipenulis Upahan

KEBELAKANGAN ini banyak buku berunsur politik muncul di pasaran. Dari banyak buku yang saya baca, hampir semuanya mengkritik pemerintah atau pemimpin Umno atau Barisan Nasional (BN). Ini termasuk novel Shit yang heboh diperkatakan satu ketika lalu.

Apa yang membimbangkan saya, bahan-bahan picisan dalam buku-buku itu, lebih berunsur emosi penulis. Ada unsur-unsur fitnah yang keterlaluan yang dilemparkan kepada pemimpin tertentu terutamanya terhadap Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Baru-baru ini, saya membaca sebuah buku berjudul 'Kelantan: Sesejuk Wajah Tuan Guru'. Saya amat tertarik dengan tajuk buku berkenaan. Apa yang saya fikirkan tentulah ada cerita menarik mengenai Kelantan. Saya ingin mengetahui perkembangan negeri itu. Rupanya, buku itu juga berunsur politik dan banyak melemparkan fitnah terhadap pemerintah. Di samping itu, banyak pula perbandingan yang dibuat antara Kelantan dan Kedah, tidak tepat.

Contohnya, penulis mengatakan dirinya juga orang Kedah (Kampung Memali) mendedahkan gejala sosial di Pulau Langkawi yang agak keterlaluan. Demikian juga, keadaan remaja di taman hadapan Masjid Negeri Kedah. Setahu saya apa yang dikatakan itu, tidak lagi berlaku dalam zaman pemerintahan Menteri Besar, Datuk Seri Sanusi Junid.

Dari pengamatan saya, buku ini bukan saja melemparkan fitnah dan tuduhan liar kepada pemerintah dan Perdana Menteri, tetapi juga berunsur menghasut rakyat. Bagi saya buku ini dan seumpamanya, adalah sebuah buku yang terlalu rendah moralnya untuk didedahkan kepada pembaca.

Apa yang menghairankan saya, kenapa buku seumpama ini, boleh berada dalam pasaran dengan begitu luas. Apakah pihak tertentu tidak bimbang dengan unsur-unsur fitnah yang boleh menghasut fikiran rakyat yang boleh menimbulkan suasana tidak harmoni di kalangan rakyat, terutama sekali keyakinan kepada pemerintah pada hari ini.

Saya rasa, dalam suasana rakyat inginkan kedamaian hidup ini, pihak tertentu, eloklah membendung kelahiran buku yang begitu rendah mutunya untuk tatapan rakyat. Tindakan yang sewajarnya, terutamanya kepada penulis seperti ini, perlulah diambil, bagi menyekat pengaruh mereka.

Sebagai penduduk Kedah dan Malaysia, saya harap gejala fitnah memfitnah serta memburukkan pemimpin negara yang keterlaluan, termasuk menyiarkan gambar yang berunsur negatif, yang mencemar dan melampaui tatasusila rakyat pelbagai kaum di negara ini, adalah mendukacitakan. Diharapkan pihak berkenaan seperti Kementerian Dalam Negeri dan Umno melakukan sesuatu, demi kebaikan rakyat.